

12 JUN 2002

Mahathir-Peliberalan/I

PELIBERALAN AKAN PERKUKUH SEKTOR KEWANGAN, KATA DR M

Oleh: Mohd Fisol Jaafar

LUXEMBOURG, 12 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata peliberalan bukan semata-mata membenarkan kemasukan syarikat-syarikat asing ke dalam pasaran tetapi juga satu mekanisme untuk memperkukuhkan dan membangunkan sistem kewangan dan ekonomi sesebuah negara.

"Ini khasnya bagi Malaysia, memandangkan peranan sektor kewangan ialah sebagai pemboleh pertumbuhan, elemen penting yang memudahkan pembangunan dan peralihan ekonomi sesebuah negara.

"Sektor kewangan, oleh itu adalah strategik dan perlu kekal berkesan dan responsif memandangkan ekonomi domestik yang semakin global," kata Perdana Menteri dalam ucaptamanya semasa pertemuan bersama masyarakat perniagaan Luxembourg, anjuran Dewan Perniagaan Luxembourg, Persatuan Ahli-ahli Perbankan Luxembourg dan Persekutuan Ahli-ahli Perindustrian Luxembourg di sini, hari ini.

Perdana Menteri tiba di Luxembourg dari Geneva, Switzerland malam tadi untuk lawatan rasmi dua hari, yang pertama oleh seorang Perdana Menteri Malaysia ke negara terkecil dalam Kesatuan Eropah yang mempunyai 15-anggota dan pusat perbankan dan kewangan paling sibuk di benua Eropah.

Dr Mahathir, yang diiringi oleh satu delegasi ahli-ahli perniagaan Malaysia diketuai oleh Pengerusi Kumpulan Perbankan Arab-Malaysia Tan Sri Azman Hashim, berkata peliberalan sentiasa perlu dipertimbangkan dalam konteks memajukan sektor kewangan dan menyokong ekonomi domestik.

Beliau berkata terdapat tanggapan umum yang proses kompetitif itu melalui pembatalan kawal selian, peliberalan dan pemansuhan halangan serta kawalan adalah perlu dalam mencapai sistem perbankan yang diperkukuhkan dan cekap.

"Malaysia menyedari ia tidak boleh melepaskan diri daripada proses-proses globalisasi dan peliberalan. Ia akan terus mengutarakan cadangan-cadangan untuk memastikan globalisasi membawa manfaat kepada semua.

"Tetapi bagaimanapun kami sedang menyediakan ekonomi kita dan sistem kewangannya untuk menghadapi cabaran-cabaran yang kami jangka," katanya.

Menekankan pentingnya sektor kewangan yang kukuh bagi pertumbuhan ekonomi domestik, Perdana Menteri berkata risiko dan kebimbangan sah dalam meliberalkan sektor kewangan tidak harus diketepikan.

Berkongsi pengalaman peliberalan Malaysia, beliau berkata Malaysia menghadapi cabaran berterusan dalam menerima strategi yang boleh membantu memaksimumkan manfaat peliberalan, sementara pada masa yang sama meminimalkan risiko yang berkaitan dengan perubahan.

Yang paling penting, kata Dr Mahathir, ialah mengimbangkan peliberalan dengan pertimbangan pembangunan dan pemuliharaan bukan sahaja bagi kestabilan kewangan tetapi juga kestabilan sosio-ekonomi.

Beliau berkata, Malaysia berhasrat memajukan satu sistem kewangan dinamik dan berkesan yang memainkan peranan penting dalam memenuhi agenda sosio-ekonomi negara.

Dr Mahathir berkata: "Tindakan meliberal secara tergesa-gesa tanpa memberikan pertimbangan sewajarnya kepada keperluan ini hanya akan menyebabkan risiko ketidakstabilan sistem kewangan dan sosio-ekonomi dalam jangka sederhana.

Perdana Menteri berkata Malaysia menyedari hakikat ini sentiasa mengambil langkah untuk mewujudkan rangja kerja institusi dan memperkenalkan pra syarat yang diperlukan untuk memastikan kelancaran

langkah-langkah peliberalan.

Sejak beberapa dekad lepas, Malaysia telah menumpukan usaha untuk mewujudkan keadaan makroekonomi, rangka kerja penyeliaan yang berhemah dan rangka kerja institusi untuk memastikan fungsi lancar pasaran, kata beliau lagi.

Memandang ke depan, Dr Mahathir berkata Malaysia akan terus komited untuk peliberalan lanjut sektor kewangan dan arah peliberalan itu adalah selaras dengan Pelan Induk Sektor Kewangan (FSMP), bagi rangka tindakan pembangunan satu sektor kewangan yang berkesan, berdaya saing dan dinamik dalam tempoh 10 tahun akan datang.

Syarikat asing yang telah diberi peluang untuk memasuki Malaysia boleh mengambil peranan lebih aktif dalam memajukan sektor kewangan negara, khususnya melalui tawaran bantuan teknologi dalam bidang-bidang di mana kepakaran tempatan adalah kurang, katanya.

Dalam hal ini, Dr Mahathir meminta syarikat-syarikat asing untuk membantu melalui pemindahan teknologi, pengetahuan dan kemahiran untuk meningkatkan kapasiti dan keupayaan institusi-institusi kewangan Malaysia.

Beliau bersetuju yang Malaysia mendapati adalah perlu untuk menghadkan penyertaan, tetapi berkata ia sentiasa menggalakkan peranan lebih besar syarikat asing dalam sektor kewangan domestik.

Beliau menjelaskan peranan seperti itu bukan sahaja akan memperkukuhkan sektor kewangan Malaysia tetapi juga akan mewujudkan lebih banyak peluang bagi perniagaan-perniagaan dan entiti asing di negara itu.

-- BERNAMA

MFJ ZS PR